

02 AUG 1999

SNAP-Calon

CALON SNAP SUDAH DISENARAI

SIBU, 2 Ogos (Bernama) -- Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP) sudah memutuskan senarai calon parti itu untuk bertanding pada pilihan raya Parlimen akan datang, kata presidennya Datuk Amar James Wong Kim Ming hari ini.

Bagaimanapun, kata parti itu menyerahkan kepada budi bicara Ketua Menteri Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud yang juga pengerusi Barisan Nasional (BN) negeri dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga pengerusi kebangsaan BN untuk membuat keputusan muktamad.

Wong memberitahu pemberita bahawa SNAP yang biasanya diperuntukkan empat kerusi parlimen, akan mencalonkan dua muka baru.

Seorang daripada muka baru itu bendahari parti Datuk Tiong King Sing yang juga seorang ahli perniagaan yang diberi tanggungjawab merampas semula kerusi Bintulu daripada wakil DAP Chew Chiu Sing yang menewaskan Wong pada pilihan raya lepas.

Seorang lagi muka baru yang dicalonkan oleh jawatankuasa eksekutif pusat parti ialah Dr Tiki Lafe yang juga penolong bendahari Pemuda SNAP bagi mendapatkan semula kerusi Mas Gading daripada bekas naib presiden parti itu Dr Patau Rubis.

Patau disingkir daripada SNAP dan BN negeri selepas pilihan raya kerana bertindak bertentangan dengan prinsip dan kepentingan parti. Dia telah menubuhkan parti pembangkang, STAR.

Bagi kerusi Saratok dan Baram, Wong berkata penyandang Datuk Peter Tinggom anak Kemarau dan Jacob Dingau Sagan dicalonkan semula kerana mereka telah berkhidmat dengan baik untuk penduduk kawasan masing-masing.

Tinggom ialah Timbalan Menteri Perpaduan Nasional dan Pembangunan Masyarakat Negeri.

Wong berkata SNAP berminat mendapatkan kerusi baru di Mambong dan sudah menetapkan calon untuk kerusi itu.

Bagaimanapun kerusi itu juga menjadi idaman parti komponen BN lain seperti Parti Bangsa Dayak Sarawak (PBDS), Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) dan parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak (PBB).

"Kami mempunyai calon bumiputera yang bersesuaian untuk bertanding di kerusi yang mempunyai majoriti penduduk bumiputera itu jika SNAP diperuntukkan kerusi berkenaan," katanya.

Mengenai kedudukannya sendiri, Wong berkata beliau akan terus memimpin SNAP kerana masih berupaya melakukannya selain anggota parti sendiri yang mahukan beliau terus memimpin parti.

"SNAP tidak menghadapi kekurangan anggota yang boleh mengambil alih daripada saya. Bila tiba masa saya mengundur diri, CEC akan memutuskan calonnya," kata Wong.

Bagaimanapun beliau berkata tempoh jawatannya sebagai anggota dewan undangan negeri kawasan Limbang adalah yang terakhir buatnya.

Wong yang juga Menteri Alam Sekitar dan Kesihatan Awam negeri pagi ini menghadiri taklimat pembangunan Majlis Perbandaran Sibu sebelum merasmikan seminar bagi ahli majlis daripada lima pihak berkuasa tempatan di sini.

-- BERNAMA

ESS LAT MAI